

# Nazri sedia berdebat

KUALA LUMPUR 27 Jun - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, beliau bersedia untuk berdebat dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung kritikan pedasnya terhadap kerajaan dan kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, beliau tidak mempunyai masalah untuk bertemu bekas ketuanya itu dalam satu forum perdebatan pada bila-bila masa sahaja.

"Saya pernah berdebat dengan beberapa pemimpin pembangkang termasuk Lim Kit Siang dan Ketua Pemuda Pas, Salahudin Ayub mengenai beberapa perkara berbangkit sebelum ini.

"Jadi, saya tidak ada masalah dalam hal ini. Jangan kata saya mencabar beliau (Dr. Mahathir) kerana kita orang timur, tak manis berbuat demikian," katanya kepada pemberita ketika ditemui di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan balas Dr. Mahathir terhadapnya dengan melabelnya sebagai 'tukang pukul' (*hatchet man*) yang diupah untuk menjawab segala kritikan terhadap kerajaan.

Semalam, Mohamed Nazri menyatakan kekesalannya terhadap bekas Perdana Menteri itu yang terus mengkritik kerajaan sekarang dan sanggup bersekongkol dengan pembangkang yang pernah menggelarnya sebagai 'Firaun'.

Beliau turut mendakwa Dr. Mahathir tidak menepati janji-janjinya untuk tidak mencampuri urusan kerajaan selepas bersara.

Menurut beliau, jika forum perdebatan itu dianjurkan oleh pihak media, ia adalah lebih baik.

Ditanya mengenai gelaran tukang pukul yang diberikan oleh Dr. Mahathir kepadanya, Mohamed Nazri menjelaskan, itu tidak menjadi masalah besar kerana beliau hanya mempertahankan kerajaan sekarang.